



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 38/2018 dari 16 September hingga 22 September 2018)

Pada minggu ke-38 iaitu bagi tempoh 16 September hingga 22 September 2018, sejumlah 1,272 kes Denggi telah dilaporkan diseluruh negara, iaitu peningkatan sebanyak 0.7% berbanding 1,263 kes pada minggu sebelumnya. Bermula dari Januari hingga 22 September 2018 sejumlah 53,872 kes Denggi dilaporkan di seluruh negara manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 88 kematian.

Sejumlah 415 lokaliti wabak yang dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-38. Manakala sebanyak 56 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 43 hotspot di Selangor, lima (5) di Pulau Pinang, empat (4) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, tiga (3) di Perak dan satu (1) di Sabah telah dilaporkan.

Terdapat satu (1) kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-38. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 22 September 2018 adalah sebanyak 77 kes iaitu 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 28 kes di Daerah Tumpat, sembilan (9) kes di Daerah Kota Bharu, dua (2) kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang, Penampang, Baling, Kota Setar dan Petaling.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati sebanyak 2,360 sampel darah dan 12 sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Kebersihan persekitaran rumah dan tempat tinggal adalah tanggungjawab semua individu. Pastikan tiada barangan terbuang seperti tayar terpakai, tempurung kelapa, tin kosong, bekas polisterin dan lain-lain objek yang menakung air seterusnya berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran rumah kita. Jika terdapat gejala Denggi seperti demam, sakit kepala, sakit sendi dan badan, ruam atau muntah, segeralah dapatkan rawatan awal di Klinik atau Hospital berhampiran. Pengesanan awal Denggi dan rawatan segera dapat menyelamatkan nyawa. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

~~Oktober~~ 2018

27 Sept

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 38/2018
(16 September hingga 22 September 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 38/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 38/2017	
		Week 38 (16 th September – 22 nd September 2018)		Week 37 (9 th September – 15 th September 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	4	0	188	0	160	0
2	Kedah	43	0	24	0	1,447	5	1,222	4
3	P. Pinang	98	0	101	0	3,659	5	1,877	13
4	Perak	34	0	43	0	2,097	5	4,793	10
5	Selangor	656	1	632	2	30,528	25	37,807	59
6	WP KL- Putrajaya	143	0	161	0	5,243	7	7,048	19
7	N. Sembilan	47	0	34	0	1,108	2	2,714	11
8	Melaka	16	0	9	0	448	0	1,123	1
9	Johor	77	0	93	1	4,119	13	6,219	23
10	Pahang	21	0	14	0	676	2	1,651	3
11	Terengganu	15	1	11	0	301	3	239	1
12	Kelantan	45	1	56	0	1,169	3	2,237	2
13	Sarawak	22	0	18	0	435	1	764	4
14	Sabah	50	1	62	0	2,365	17	1,635	6
15	WP Labuan	1	0	1	0	89	0	65	0
	MALAYSIA	1,272	4	1,263	3	53,872	88	69,254	156

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 38/2018
(16 September hingga 22 September 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	67	186
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	128	183
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	57	160
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	43	134
5	SELANGOR	Petaling	Bt 3 (Suria Appt Tmn Bukit Pelangi)	19	87
6	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sime Uep Subang (Jln Tp)	38	86
7	SELANGOR	Klang	T.T.G.I (Jln Sama Gagah 18)	58	85
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	109	73
9	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	21	72
10	SELANGOR	Klang	Appartment Golden Villa	23	72
11	SELANGOR	Klang	Taman Bukit Jati (Jalan Bukit Jati 1-3)	27	71
12	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	39	69
13	P PINANG	Timur Laut	Jalan Tengku	17	63
14	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres A : Jln 17/2, 17/4, 17/6, 17/11, 17/19	21	60
15	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Tr 1 - Tr 9	14	58
16	PERAK	Larut Matang & Selama	Taman Bersatu	18	58
17	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt A : Blok A,B,C	36	57
18	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 2 (Sri Nipah)	14	57
19	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat B : Blok 10 - 21)	16	56
20	P PINANG	Timur Laut	Pintasan Makloom	13	56
21	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	18	54

22	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	22	52
23	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Flat)	7	51
24	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10b) Blok Ar - Av	18	51
25	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	13	50
26	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 6	8	49
27	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	11	48
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tropika 2 Taman Tropika	22	46
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 (Kbsb : Jln Welfare)	10	46
30	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Permai	8	44
31	P PINANG	Barat Daya	Mutiara Perdana	35	44
32	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28 & Flat)	14	42
33	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	11	42
34	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	15	40
35	SELANGOR	Petaling	BI Pju 6 Bu 2 (Teres A : Jln 2/1 - 2/9)	6	40
36	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Jasmin : Blok 1 - 6)	12	40
37	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt Lembah Subang 2 (Blok A - F)	11	40
38	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Flat Ikan - Blok 1-4)	18	39
39	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 5 Bandar Teknologi	8	39
40	WPKL	Cheras	Taman Shamelin (Bustan Shamelin Appt)	7	38
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kuarters Ipk Selangor&Kuarters Jkr)	7	38
42	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kelana Park View	10	37
43	SELANGOR	Petaling	Kt Seksyen 22 Flat Sri Aman	15	37
44	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/1 - 5/8)	7	37
45	SELANGOR	Petaling	Bt 14 Kg Bunga Melor	8	37
46	SABAH	Tawau	Tb03 Tg Bt Kg Pukat	18	37
47	P PINANG	Seberang Perai Selatan	Taman Sungai Bakap Permai	12	37
48	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 (Kuarters Suk)	8	34
49	SELANGOR	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	6	34
50	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa-Aq	10	34
51	SELANGOR	Klang	Kg Jawa (Jln Sg Jati Lot 1368)	6	34

52	SELANGOR	Klang	T.S.A (Jln Tun Abdul Razak)	4	34
53	PERAK	Kinta	Tmn Klebang Jaya	6	34
54	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 9 Parcel 4	10	33
55	SELANGOR	Gombak	Tmn Samudera Timur	5	33
56	P PINANG	Barat Daya	Flat Sri Merpati	21	32